| | Mad Lazim Kalimi Muthaqqal | Huruf mad bertemu huruf bertanda sukun yang bersyaddah dalam satu kalimah | Dibaca secara idgham |
| | Mad Lazim Harfi Mukhaffah | Huruf mad yang terdapat pada fawatih al-suwar bertemu huruf bertanda sukun | Tidak dibaca secara idgham |
| | Mad Lazim Harfi Muthaqqal | Huruf mad yang terdapat pada fawatih al-suwar bertemu huruf bertanda sukun | Dibaca secara idgham |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| Hukum | Bahagian | Maksud | Cara bacaan |
|---|---|---|---|
| Qalqalah | Qalqalah Sughra | Huruf qalqalah yang berbaris sukun pada pertengahan kalimah atau hujung kalimah ketika bacaan secara wasal | Bunyi lantunan yang rendah ketika menyebut huruf qalqalah yang berbaris sukun |
| | Qalqalah Kubra | Huruf qalqalah yang berbaris sukun atau sukun mendatang berada pada hujung kalimah ketika bacaan secara wakaf | Bunyi lantunan kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika wakaf |

**3.** Nyatakan perbezaan maksud mad lazim kalimi dengan mad lazim harfi. **TP 1** **TP 2**

SP 1.28.1

(a) Mad Lazim Kalimi — Huruf mad bertemu dengan huruf bertanda sukun dalam satu kalimah

(b) Mad Lazim Harfi — Huruf mad yang terdapat pada fawatih al-suwar bertemu huruf bertanda sukun yang bacaannya menjadi hukum Mad Asli

**4.** Senaraikan huruf-huruf qalqalah. **TP 1** **TP 2**

SP 1.28.1

(a) ق (b) ط (c) د (d) ب (e) ج

## 1.28.2 Tentukan dan Baca Ayat al-Quran yang Mengandungi Hukum Mad Silah, Mad Lazim dan Qalqalah

*Buku Teks ms. 17 – 21*

**5.** Baca dan padankan potongan ayat yang bergaris di bawah dengan hukum tajwid yang betul. **TP 4**

SP 1.28.2

| | |
|---|---|
| (a) Mad Silah Qasirah | أَيَحۡسَبُ أَن لَّمۡ يَرَهُۥٓ أَحَدٌ |
| (b) Mad Silah Tawilah | ثَمَٰنِيَ حِجَجٖۖ |
| (c) Qalqalah Sughra | وَلَا جِدَالَ فِي ٱلۡحَجِّۗ |
| (d) Qalqalah Kubra | ٱذۡهَبۡ إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ |
| (e) Qalqalah Akhbar | وَتَصَدَّقۡ عَلَيۡنَآۖ |

Jawapan padanan: (a) → ٱذۡهَبۡ إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ; (b) → أَيَحۡسَبُ أَن لَّمۡ يَرَهُۥٓ أَحَدٌ; (c) → ثَمَٰنِيَ حِجَجٖۖ; (d) → وَتَصَدَّقۡ عَلَيۡنَآۖ; (e) → وَلَا جِدَالَ فِي ٱلۡحَجِّۗ

**6.** Tentukan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan. **TP 4**

SP 1.28.2

| Mad lazim kalimi mukhaffah | Mad lazim kalimi muthaqqal | Mad lazim harfi mukhaffah | Mad lazim harfi muthaqqal |
|---|---|---|---|

| | Potongan ayat al-Quran | Nama hukum tajwid |
|---|---|---|
| (a) | وَلَا ٱلضَّآلِّينَ | Mad lazim kalimi muthaqqal |
| (b) | ءَآلْـَٔـٰنَ وَقَدْ كُنتُم بِهِۦ | Mad lazim kalimi mukhaffah |
| (c) | طسٓمٓ | Mad lazim harfi muthaqqal |
| (d) | عٓسٓقٓ | Mad lazim harfi mukhaffah |
| (e) | حمٓ | Mad lazim harfi muthaqqal |

**7.** Jelaskan cara bacaan bagi potongan ayat al-Quran yang bergaris di bawah. **TP 5**

SP 1.28.2

KBAT Menganalisis

| | Potongan ayat al-Quran | Cara bacaan |
|---|---|---|
| (a) | كُنتُمْ تُشَٰٓقُّونَ فِيهِمْ | Dibaca secara idgham |
| (b) | صٓ وَٱلْقُرْءَانِ ذِى ٱلذِّكْرِ | Tidak dibaca secara idgham |
| (c) | أَن تَأْجُرَنِى ثَمَٰنِىَ حِجَجٍ | Bunyi lantunan lebih kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika wakaf |

VIDEO

Hukum tajwid qalqalah

## AKTIVITI PAK-21

Nota Tampalan

KBAT Menilai

**TP 6**

1. Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
2. Guru memberikan keratan kertas mengandungi hukum mad silah, mad lazim dan qalqalah yang terdapat dalam ayat 1 hingga 10 surah al-A'raf.
3. Murid berbincang di dalam kumpulan tentang tajuk yang diberikan.
4. Setiap murid perlu mengisi sendiri di atas *sticky note*.
5. *Sticky note* dikumpulkan kemudian ditampal di papan kenyataan sudut Pendidikan Islam selepas kelas.

***Tahap Penguasaan Pelajaran 3*** TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Berbaris | Sukun

**1.** Pada pendapat anda, bagaimanakah cara mudah untuk mengenali hukum mad silah di dalam ayat al-Quran? Kemukakan hujah anda.

KBAT Menganalisis

Kita boleh mengenal pasti hukum mad silah di dalam al-Quran melalui tanda wau atau ya kecil yang terdapat selepas ha' dhomir di dalam al-Quran. Apabila terdapat ha dhomir pada akhir kalimah, sebelumnya terdapat huruf yang berbaris dan selepasnya juga terdapat huruf yang berbaris. Syarat untuk menjadikan mad silah ialah huruf sebelum dan selepas ha' dhomir tersebut berbaris fathah (atas), kasrah (bawah), atau dhommah (depan). Dibacakan dengan silah atau mad ketika menyambungkan (wasal) bacaan sahaja.

Mad lazim ialah sebahagian daripada mad far'ie yang terbahagi kepada dua pecahan, iaitu mad lazim harfi dan mad lazim kalimi.

**2.** Bagaimanakah cara untuk membezakan antara mad lazim harfi dan mad lazim kalimi? Kemukakan pendapat anda.

KBAT Menganalisis

Mad lazim harfi berlaku pada huruf-huruf muqotho'ah di awal surah di dalam al-Quran. Manakala mad lazim kalimi pula berlaku pada bentuk perkataan atau kalimah. Bagi membezakan antara mukhaffaf dan muthaqqal pula ialah tanda sukun menunjukkan mukhaffaf (ringan) manakala tanda sabdu menunjukkan muthaqqal (berat).

POT Enrolment key Tf&b2H$z

# PELAJARAN 14

# Sembelihan

## 4.21.1 Maksud, Hukum dan Dalil Sembelihan

*Buku Teks ms. 109 – 110*

**1.** Nyatakan maksud sembelihan. **TP 1**

SP 4.21.1

| | |
|---|---|
| **Bahasa** | Memotong |
| **Istilah** | Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat merih |

**2.** Nyatakan hukum dan terjemahan dalil naqli sembelihan. **TP 1**

SP 4.21.1

| | |
|---|---|
| **Hukum sembelihan** | Wajib supaya halal dimakan dagingnya |
| **Dalil naqli sembelihan** | Firman Allah SWT yang bermaksud:<br>Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai, darah (yang keluar mengalir), daging khinzir (termasuk semua anggota tubuhnya) dan binatang yang disembelih bukan kerana Allah.<br>(Surah al-Maidah: 3) |

## 4.21.2 Rukun, Syarat Sah, Perkara Sunat dan Perkara Makruh Sembelihan

*Buku Teks ms. 110 – 113*

**3.** Jelaskan rukun sembelihan. **TP 2**

SP 4.21.2

(a) Penyembelih

(b) Binatang yang disembelih

CETUS IDEA

**4.** Jelaskan syarat sah sembelihan di bawah. **TP 3**

SP 4.21.2

| (a) Penyembelih | (b) Binatang sembelihan | (c) Alat sembelihan |
|---|---|---|
| • Melakukan penyembelihan hanya kerana Allah SWT | • Putus urat halkum dan merih | • Alat yang boleh melukakan binatang sembelihan kecuali kuku, gigi dan tulang |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PRAKTIS EKSTRA

NOTA Contoh menyeksa binatang sembelihan Pelajaran 14

**5.** Jelaskan perkara sunat semasa sembelihan bagi aspek di bawah. **TP 4**

SP 4.21.2

| | Perkara sunat | Keterangan |
|---|---|---|
| (a) | Penyembelih | • Menajamkan pisau |
| (b) | Binatang sembelihan | • Membaringkan binatang pada rusuk kiri |
| (c) | Alat sembelihan | • Alat sembelihan yang tajam seperti pisau |

**6.** Jelaskan perkara makruh semasa sembelihan. **TP 4**

SP 4.21.2

| | Perkara makruh | Keterangan |
|---|---|---|
| (a) | Penyembelih | • Tidak membaca basmalah dan selawat |
| (b) | Binatang sembelihan | • Menyeksa binatang seperti mematahkan kaki |
| (c) | Alat sembelihan | • Menggunakan pisau yang tumpul |

## 4.21.3 Hikmah Sembelihan dari Sudut Syarak dan Sains

*Buku Teks ms. 114*

**7.** Huraikan hikmah sembelihan dari sudut syarak dan sains. **TP 5**

SP 4.21.3

KBAT Menganalisis

(a) Sudut syarak:
Membezakan antara daging yang halal dengan daging yang haram supaya ibadat diterima Allah SWT.

(b) Sudut sains:
Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang kerana toksik dan bakteria dalam darah telah dikeluarkan.

**INFO**

Hukum menyembelih haiwan menggunakan mesin

## AKTIVITI PAK-21

Peta Minda

KBAT Menganalisis

**TP 6**

1. Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk "Penggunaan renjatan elektrik terhadap binatang sebelum sembelihan".
3. Murid berbincang di dalam kumpulan mengenai tajuk yang diberikan.
4. Hasil dapatan dikongsi di hadapan kelas dalam bentuk peta minda.

*Tahap Penguasaan Pelajaran 14* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA >>> Kasihan | Kesakitan

> Penyembelihan menurut kaedah Islam adalah cara yang terbaik bukan sahaja untuk kebaikan haiwan itu sendiri tetapi juga memberi manfaat kesihatan kepada manusia.

**1.** Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

**KBAT** Menganalisis

Islam mengenakan beberapa langkah bagi memastikan penyembelihan dapat disempurnakan dengan lebih baik. Nabi Muhammad SAW pernah mengarahkan supaya sentiasa belas kasihan terhadap haiwan dengan memastikan pisau yang digunakan benar-benar tajam dan perlu dilakukan dengan pantas bagi memutuskan salur darah ke saraf otak supaya haiwan tidak akan berasa sakit ketika disembelih. Kesimpulannya, kita hendaklah melakukan penyembelihan mengikut cara yang diajar oleh Islam bagi menjamin kebersihan daging yang hendak dimakan.

> Dewasa ini terdapat sekumpulan aktivis yang giat berkempen untuk mengharamkan penyembelihan haiwan mengikut tatacara Islam.

**2.** Sebagai umat Islam, bagaimanakah cara terbaik untuk menangkis persepsi buruk masyarakat bukan Islam dalam persoalan tersebut? Kemukakan idea bernas anda.

**KBAT** Menganalisis

Penyembelihan haiwan mengikut tatacara Islam menekankan konsep ihsan ketika sembelihan. Dalam penyembelihan haiwan cara Islam, urat halkum dan urat merih wajib diputuskan untuk mengurangkan kesakitan serta memastikan haiwan yang disembelih mati dengan cepat. Kesimpulannya, cara penyembelihan haiwan mengikut tatacara Islam sangat berbeza dengan cara orang Barat yang banyak menyeksa dan menyakitkan binatang sembelihan.

POT
Enrolment key
Tf&b2H$z

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PELAJARAN 15

# Korban dan Akikah

## 4.22.1 Maksud, Hukum, Dalil serta Binatang yang Disyariatkan Korban dan Akikah

Buku Teks ms. 117, 123

ePraktis+ NOTA PRAKTIS EKSTRA
Perbezaan ibadat korban dan akikah
Pelajaran 15

**1.** Nyatakan maksud korban dan akikah serta hukum melakukannya. **TP 1**

SP 4.22.1

| Korban | | Akikah |
|---|---|---|
| Memilih binatang ternakan (al-An'am) pada 10 Zulhijah hingga akhir hari tasyrik bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT | **Maksud** | Binatang ternakan (al-An'am) yang disembelih sempena kelahiran bayi |
| Sunat muakad dan wajib jika bernazar | **Hukum** | Sunat muakad dan wajib jika bernazar |

**2.** Nyatakan terjemahan dalil naqli disyariatkan korban dan akikah. **TP 1**

SP 4.22.1

| | |
|---|---|
| **Korban** | Firman Allah SWT yang bermaksud:<br>Tunaikanlah solat kerana Tuhanmu dan berkorbanlah kerana-Nya.<br>(Surah al-Kauthar: 2) |
| **Akikah** | Rasulullah SAW bersabda:<br>Setiap anak tergadai dengan akikahnya, maka pada hari ketujuh disembelih haiwan, diberi nama dan dicukurkan rambutnya.<br>(Riwayat al-Tirmizi) |

**3.** Senaraikan binatang ternakan (al-An'am) yang disyariatkan korban dan akikah. **TP 2**

SP 4.22.1




© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 4.22.2 Syarat Sah, Perkara Sunat dan Tempoh Pelaksanaan Korban dan Akikah

*Buku Teks ms. 118 – 120, 124 – 128*

**4.** Jelaskan syarat sah korban dan akikah. **TP 3**

SP 4.22.2

| Korban | | Akikah |
|---|---|---|
| (a) Berniat korban ketika binatang disembelih | **Niat** | (a) Berniat akikah ketika binatang disembelih |
| (b) Selepas solat Hari Raya Aidiladha 10 Zulhijah hingga terbenam matahari pada akhir hari tasyrik, 13 Zulhijah | **Masa pelaksanaan** | (b) Setelah bayi dilahirkan |
| (c) Unta: 5 tahun dan ke atas<br>(d) Lembu atau kerbau: 2 tahun dan ke atas<br>(e) Kambing: 2 tahun dan ke atas<br>(f) Biri-biri: 1 tahun atau sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan | **Cukup umur** | (c) Unta: 5 tahun dan ke atas<br>(d) Lembu atau kerbau: 2 tahun dan ke atas<br>(e) Kambing: 2 tahun dan ke atas<br>(f) Biri-biri: 1 tahun atau sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan |
| (g) Bebas daripada penyakit atau kecacatan | **Sifat al-An'am** | (g) Bebas daripada penyakit atau kecacatan |

**5.** Jelaskan perkara sunat korban dan akikah. **TP 4**

SP 4.22.2

(a) Korban:
- (i) Melakukan sembelihan sendiri tanpa mewakilkan kepada orang lain jika mampu.
- (ii) Melakukan segala sunah sembelihan.
- (iii) Membaca "Bismillah Wallahuakbar" dan berselawat ketika menyembelih.

(b) Akikah:
- (i) Berdoa ketika hendak menyembelih.
- (ii) Menyembelih ketika matahari sedang naik.
- (iii) Dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran.

CETUS IDEA



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**6.** Jelaskan tempoh masa pelaksanaan korban dan akikah. **TP 4**

**SP** 4.22.2

| | |
|---|---|
| **Korban** | • 1 Zulhijah: Orang yang berkorban makruh bercukur dan memotong kuku<br>• 11 Zulhijah: Sunat korban<br>• 12 Zulhijah: Sunat korban<br>• 13 Zulhijah: Sunat korban<br>• 14 Zulhijah: Tidak sah korban |
| **Akikah** | • Sunat: Setelah sempurna kelahiran sehingga bayi itu baligh<br>• Sunat muakad: Pada hari ke-7 kelahiran bayi |

## 4.22.3 Pembahagian Daging Korban dan Akikah

*Buku Teks ms. 121, 127*

**7.** Huraikan pembahagian daging korban dan akikah di bawah. **TP 5**

**SP** 4.22.3

**KBAT** Menganalisis

**Pembahagian daging korban**
- 1/3 dihadiahkan kepada orang ramai termasuk orang kaya dan jiran
- 1/3 disedekahkan kepada fakir miskin
- 1/3 dimakan oleh orang berkorban termasuk ahli keluarganya

**Pembahagian daging akikah**
- Sunat dimasak manis
- Masakan afdal disedekahkan kepada fakir miskin
- Masakan sunat dimakan oleh orang yang berakikah

**VIDEO**

Beruntung mereka yang melakukan ibadah korban

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 4.22.4 Hikmah Korban dan Akikah

*Buku Teks ms. 121, 127*

**8.** Huraikan hikmah pensyariatan ibadat korban dan akikah. **TP 6**

**SP** 4.22.4

**Hikmah korban**

(a) Mengagungkan syiar Islam yang merupakan tanda takwa bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT

(b) Menghayati semangat pengorbanan agung yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s. supaya semangat tersebut menaikkan semangat jihad

(c) Mengeratkan persaudaraan antara umat Islam kerana solat sunat Aidiladha menghimpunkan seluruh umat Islam

(d) Tanda syukur kepada Allah SWT atas segala nikmat supaya rezeki yang diperoleh sentiasa diberkati

**Hikmah akikah**

(a) Menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT atas kurniaan cahaya mata

(b) Menghebahkan berita kelahiran supaya tidak timbul prasangka

(c) Menyuburkan semangat pemurah dan menjauhi sifat bakhil oleh ibu bapa

## AKTIVITI PAK-21

Kerusi Panas

**KBAT** Menganalisis

**TP 6**

1. Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk "Ibadat korban dan akikah mampu mengeratkan silaturahim sesama ahli keluarga dan jiran tetangga".
3. Murid berbincang di dalam kumpulan tentang tajuk yang diberikan.
4. Salah seorang murid dipilih tampil di hadapan kelas untuk menyatakan pandangan atau menjawab soalan daripada rakan-rakan berkaitan tajuk yang dibincangkan.

*Tahap Penguasaan Pelajaran 15* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Sendiri | Diharuskan

Apabila perayaan hari raya Aidiladha akan menjelang, maka wujud pelbagai tawaran melakukan ibadat korban sama ada di tanah air atau di luar negara.

**1.** Pada pendapat anda, di manakah tempat yang lebih baik atau afdal untuk melakukan ibadat korban? Kemukakan hujah anda.

**KBAT** Menganalisis

Ibadat korban yang terbaik dan afdal adalah yang dilakukan di tempat sendiri. Rasulullah SAW menyembelih sendiri binatang korbannya dan memberi saranan kepada orang yang berkorban supaya menyaksikan sendiri sembelihan binatang korban sekiranya dia tidak mampu melakukan sendiri sembelihan tersebut. Kesimpulannya, orang yang berkorban digalakkan untuk mengagihkan sendiri daging korban kepada penduduk setempat.

Ada sesetengah ibu bapa yang mampu dari segi kewangan untuk melaksanakan majlis akikah untuk anaknya pada hari ketujuh namun dia tidak berbuat demikian kerana ingin melakukannya di kampung semasa cuti sekolah hujung tahun.

**2.** Kemukakan pendapat anda berkaitan persoalan di atas berdasarkan hukum syarak.

**KBAT** Menganalisis

Dibolehkan atau diharuskan jika mempunyai kekangan asalkan majlis akikah dilakukan sebelum anak tersebut mencapai umur baligh. Selepas usia baligh, maka gugurlah tuntutan membuat akikah ke atas bapanya dan berpindah kepada anak itu sendiri untuk melakukannya. Kesimpulannya, alangkah baiknya jika kita dapat membudayakan sunah Nabi Muhammad SAW dengan melakukan akikah pada hari ketujuh kerana besar pahala atas usaha kita tersebut.

POT
Enrolment key
Tf&b2H$z

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PELAJARAN 23

# Khauf dan Raja'

## 6.16.1 Maksud Khauf dan Raja'

Buku Teks ms. 193

**1.** Nyatakan maksud khauf dan raja'. **TP 1**

**SP 6.16.1**

**Khauf**

Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT dengan menjauhi semua larangan-Nya

**Raja'**

Mengharapkan keredaan Allah SWT dengan mematuhi dan melaksanakan semua perintah-Nya

Cara mendapatkan khauf dan raja'

NOTA eP+

## 6.16.2 Dalil Khauf dan Raja'

Buku Teks ms. 193 – 194

**2.** Nyatakan dalil naqli tuntutan bersikap khauf dan raja' dalam diri. **TP 2**

**SP 6.16.2**

**Tuntutan bersikap khauf**

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Maka janganlah kamu takut kepada mereka tetapi takutlah kepada-Ku, jika kamu memang orang yang bertakwa.

(Surah ali-'Imran: 175)

**Tuntutan bersikap raja'**

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Mereka menjauhkan diri dari tempat tidur dan sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut serta penuh harap dan mereka mendermakan sebahagian daripada apa yang Kami rezekikan kepada mereka.

(Surah as-Sajadah: 16)

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**3.** Jelaskan cara untuk menyuburkan sifat khauf dan raja' dalam diri. **TP 3**

**SP** 6.16.2

**Sifat khauf**

(a) Bergaul dengan para ulama dan orang soleh

(b) Sentiasa mengambil iktibar daripada kisah kejayaan dan kemusnahan kaum terdahulu

**Sifat raja'**

(a) Bermujahadah melawan hawa nafsu dan syaitan

(b) Melaksanakan semua amal ibadat dengan penuh kesungguhan dan istiqamah

## 6.16.3 Contoh Khauf dan Raja' yang Diamalkan oleh Rasulullah SAW

*Buku Teks ms. 194 – 195*

**4.** Terangkan contoh khauf dan raja' yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. **TP 4**

**SP** 6.16.3

| Contoh 1 | Contoh 2 |
|---|---|
| Baginda SAW mendirikan solat sunat gerhana matahari dengan penuh khusyuk. Baginda menangis kerana berasa takut Allah SWT menurunkan azabnya sambil merintih dan berdoa. | Baginda berpesan supaya sangat mengharapkan rahmat Allah dan berasa sangat takut akan dosa-dosa yang pernah dilakukan ketika menziarahi seorang lelaki yang terlantar sakit. |

## 6.16.4 Konsep Khauf dan Raja' yang Seimbang

*Buku Teks ms. 196*

**5.** Terangkan konsep khauf dan raja' yang seimbang menurut kaca mata Islam. **TP 5**

**SP** 6.16.4

(a) Seseorang yang rasa takut kepada Allah SWT hendaklah seiring dengan tindakan yang selari dengan syarak

(b) Seseorang yang mengharapkan keredaan Allah SWT hendaklah melakukan amal ibadat dan pada masa yang sama menjauhi perbuatan maksiat

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 6.16.5 Hikmah Khauf dan Raja'

*Buku Teks ms. 197*

**6.** Huraikan hikmah mengamalkan sikap khauf dan raja' dalam kehidupan seharian. **TP 6**

**SP** 6.16.5
**KBAT** Menganalisis

(a) Mendidik jiwa insan agar sentiasa menjauhi larangan Allah SWT kerana takut akan kemurkaan-Nya

(b) Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan supaya mendapat kemanisan iman

(c) Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap keadaan

(d) Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan kerana yakin Allah SWT melihat dan menilai setiap perbuatannya

(e) Melahirkan insan yang sentiasa bertawakal kepada Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh

**VIDEO**

Ahli sunah mengimbangi sifat khauf dan raja'

## AKTIVITI PAK-21

▶ **Penulisan Pentas**

**KBAT** Memahami

**TP 6**

1. Murid membuat aktiviti secara individu.
2. Guru memberikan tajuk "Cara mendapatkan khauf dan raja".
3. Murid menyiapkan tugasan selama 5 minit tentang tajuk yang diberikan.
4. Hasil dapatan dibentangkan di hadapan kelas.
5. Guru menilai hasil penulisan murid.

*Tahap Penguasaan Pelajaran 23* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Berharap | Neraka

Khauf dan raja' adalah pendorong dan pembakar semangat serta motivasi untuk seseorang taat kepada Allah SWT.

KBAT Mengaplikasi

1. Bagaimanakah kita boleh mengaplikasikan sifat khauf dan raja' dalam melaksanakan ibadah sehari-hari? Kemukakan hujah anda.

Khauf dan raja' boleh diaplikasikan dalam solat lima waktu. Kita harus takut atau cemas sekiranya solat lima waktu kita tidak diterima. Pada masa yang sama kita juga harus memiliki raja' dengan berharap kepada Allah SWT semoga menerima solat lima waktu kita. Oleh itu, kita hendaklah mengerjakan solat dengan khusyuk dan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT supaya solat yang didirikan diterima oleh Allah SWT.

Menurut para ulama, sifat khauf dan raja' ialah karakter orang yang beriman.

KBAT Menilai

2. Huraikan kesan jika seorang Mukmin mengabaikan kedua-dua sifat tersebut.

Seseorang yang hanya memiliki rasa takut, maka dia mudah putus asa dan tidak bersemangat untuk beramal, contohnya dia takut solatnya tidak diterima oleh Allah SWT, maka akhirnya dia tidak bersemangat untuk solat. Begitu juga, orang yang hanya memiliki rasa raja', maka dia berasa pasti dapat masuk syurga serta tidak pernah terfikir bahawa dirinya sangat berpotensi masuk neraka. Kesimpulannya, seseorang yang tiada kedua-dua sifat khauf dan raja' akan menanggung kerugian yang besar di akhirat kelak.

POT
Enrolment key
Tf&b2H$z

# PELAJARAN 24

# Adab terhadap Orang Sakit dan Kurang Upaya

## 6.17.1 Dalil Naqli Beradab terhadap Orang Sakit dan Orang Kurang Upaya

Buku Teks ms. 199, 202

**1.** Nyatakan terjemahan dalil naqli tuntutan agar beradab terhadap orang sakit. TP 1

SP 6.17.1

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:
"Ziarahilah orang sakit, berikan makanan kepada orang lapar dan bebaskanlah tawanan".

(Riwayat Bukhari)

**2.** Nyatakan terjemahan dalil naqli tuntutan agar beradab terhadap orang kurang upaya. TP 1

SP 6.17.1

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:
Seorang wanita yang mempunyai kekurangan pada akalnya berkata: "Wahai Rasulullah SAW, saya memerlukan pertolonganmu dalam sesuatu urusan". Rasulullah SAW bersabda: "Wahai ibu, bagaimanakah caranya untuk aku membantumu?" Lalu Rasulullah SAW meluangkan masanya sehingga wanita itu dapat menyelesaikan urusannya.

(Riwayat Muslim)

## 6.17.2 Adab terhadap Orang Sakit dan Orang Kurang Upaya

Buku Teks ms. 200, 202 – 203

**3.** Terangkan adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya yang harus diamalkan oleh setiap umat Islam. TP 2 TP 3

SP 6.17.2

KBAT Menganalisis

| | Aspek | Adab terhadap orang sakit |
|---|---|---|
| (a) | Ibadat | (i) Mendoakan kesihatan mereka<br>(ii) Membantu mereka ingin melakukan ibadat |
| (b) | Emosi | (i) Tidak mengganggu ketenteraman pesakit<br>(ii) Memberi semangat dan motivasi supaya bersabar dan reda |
| (c) | Fizikal | (i) Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih<br>(ii) Mengingati pesakit makan ubat mengikut jadual |



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| | Aspek | Adab terhadap orang kurang upaya |
|---|---|---|
| (a) | Ibadat | (i) Menyediakan kemudahan yang sesuai kepada mereka supaya dapat beribadat dengan selesa |
| (b) | Emosi | (i) Memberi layanan dengan penuh kasih dan sayang serta simpati kepada mereka |
| (c) | Fizikal | (i) Memastikan semua kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan atau dirosakkan |

## 6.17.3 Hikmah Beradab terhadap Orang Sakit dan Orang Kurang Upaya

*Buku Teks ms. 200, 203*

**4.** Huraikan hikmah mengamalkan adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya.

**SP** 6.17.3 **TP 4** **TP 5**

| Hikmah beradab terhadap orang sakit | Hikmah beradab terhadap orang kurang upaya |
|---|---|
| (a) Melahirkan keinsafan akan nikmat kesihatan diri setelah melihat penderitaan pesakit | (a) Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan dalam masyarakat agar perpaduan dapat diwujudkan |
| (b) Mengeratkan ukhuwah sesama ahli masyarakat agar hidup diberkati Allah SWT | (b) Melahirkan rasa syukur kerana dilahirkan dalam keadaan fizikal dan mental yang sempurna |

**VIDEO**

Fadilat menziarahi orang sakit

## AKTIVITI PAK-21

Persembahan (Lakonan) **KBAT** Menganalisis

**TP 6**

1. Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk "Pengalaman menjaga ibu bapa yang sakit di hospital".
3. Murid berbincang di dalam kumpulan mengenai tajuk yang diberikan.
4. Hasil dapatan di bentangkan dalam bentuk lakonan di hadapan kelas.

*Tahap Penguasaan Pelajaran 24* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA >>> Kasih | Prihatin

> Wabak atau pandemik COVID-19 ialah ujian musibah ke atas seluruh negara di dunia ini. Namun, apabila seseorang yang disahkan positif COVID-19 pasti akan memberikan kesan dalam pelbagai aspek termasuklah mental dan emosi.

**1.** Sebagai seorang Muslim, apakah sikap yang seharusnya kita tunjukkan sebagai tanda prihatin terhadap pesakit yang positif COVID-19? Huraikan hujah anda.

**KBAT** Mengaplikasi

Sebagai umat Islam, janganlah kita cepat menyalahkan seseorang yang positif COVID-19 dengan melemparkan kata-kata yang kurang enak kepada mereka. Sebaliknya sebagai orang yang sihat, kita seharusnya memberikan atau mengucapkan kata-kata yang baik dan sopan sebagai tanda kasih sesama Muslim malah lebih baik memperbanyakkan doa untuk mereka. Kesimpulannya, kita hendaklah terus berusaha memberikan sokongan fizikal dan rohani kepada pesakit agar mereka mempunyai semangat untuk pulih sekali gus dapat sihat dengan cepat.

> Hari Orang Kurang Upaya Sedunia diisytiharkan oleh PBB pada 19 Oktober 1992 dengan menetapkan 3 Disember pada setiap tahun ialah hari orang kurang upaya.

**2.** Kaitkan pengisytiharan tersebut dengan akhlak Islam dalam mengajar umatnya agar meraikan dan menyantuni golongan istimewa ini. Kemukakan hujah anda.

**KBAT** Menganalisis

Islam mengajar umatnya agar sentiasa membantu dan menyantuni golongan OKU kerana perbuatan tersebut termasuk dalam kebaikan yang perlu disegerakan. Islam sama sekali tidak bersetuju jika terdapat sesetengah golongan dinafikan haknya, ditindas dan tidak diendahkan. Kesimpulannya, Islam amat prihatin kepada golongan istimewa ini kerana mereka juga berhak hidup sebagaimana mereka berhak dilahirkan dan dibesarkan dengan adil.

POT
Enrolment key ▼
Tf&b2H$z

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PELAJARAN 25

# Wasatiah Menjamin Kecemerlangan Umat

## 6.18.1 Maksud dan Dalil Wasatiah

Buku Teks ms. 205

ePP+ NOTA PRAKTIS EKSTRA
Konsep ummatan wasatha
Pelajaran 25

**1.** Nyatakan maksud wasatiah. **TP 1**

SP 6.18.1

Wasatiah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam semua tindakan

**2.** Nyatakan terjemahan dalil anjuran supaya mengamalkan wasatiah dalam kehidupan. **TP 2**

SP 6.18.1

**Dalil 1**

Firman Allah SWT yang bermaksud:
Dan demikianlah kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pertengahan (umat pilihan lagi adil) supaya kamu layak menjadi saksi untuk memberi keterangan kepada umat manusia.

(Surah al-Baqarah: 143)

**Dalil 2**

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:
Lakukanlah dengan bersederhana. Dan ketahuilah bahawa perbuatan kamu tidak akan menyebabkan kamu masuk syurga. Amalan yang paling disukai Allah ialah yang berterusan walaupun sedikit.

(Riwayat Bukhari)

**3.** Jelaskan maksud 'ummatan wasatha – umat pertengahan' dalam prinsip wasatiah. **TP 3**

SP 6.18.1

INFO
Apakah kepentingan wasatiah?

(a) Umat yang terbaik dan pertengahan dalam semua perkara dan tidak melampaui batas serta tidak lalai

(b) Tidak berlebih-lebihan dalam urusan agama dan spiritual semata-mata seperti golongan Nasrani

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 6.18.2 Empat Prinsip Wasatiah

*Buku Teks ms. 206 – 209*

**4.** Terangkan maksud berserta contoh yang terkandung dalam prinsip wasatiah. **TP 4** **TP 5**

**SP** 6.18.2

| | Prinsip wasatiah | Maksud | Contoh |
|---|---|---|---|
| (a) | **Kesederhanaan** | (i) Melakukan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat | (ii) Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab<br>(iii) Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di bumi |
| (b) | **Keseimbangan** | (i) Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan | (ii) Rohani: Melaksanakan ibadat fardu dan sunat dengan istiqamah<br>(iii) Jasmani: Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan<br>(iv) Akal: Menjauhi benda yang boleh merosakkan akal seperti arak dan dadah |
| (c) | **Keadilan** | (i) Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana, masa dan tempat | (ii) Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya<br>(iii) Mengambil pendekatan seimbang dan pertengahan secara berhikmah dalam dua perkara yang ekstrem |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| | | | |
|---|---|---|---|
| (d) | **Kecemerlangan** | (i) Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh kepada Allah SWT | Ciri umat cemerlang:<br>(ii) Melakukan kebaikan seperti memakmurkan diri dan membangunkan negara<br>(iii) Mencegah diri melakukan kezaliman dan kekejaman serta kefasikan (kerosakan) |

## 6.18.3 Hikmah Melaksanakan Prinsip Wasatiah

*Buku Teks ms. 210*

**5.** Huraikan hikmah melaksanakan empat prinsip wasatiah dalam kehidupan. **TP 6**

**SP** 6.18.3
**KBAT** Menganalisis

(a) Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan kerana adanya kestabilan politik

(b) Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana kerana tidak berlaku pembaziran dan salah guna kuasa

(c) Masyarakat yang aman dan bersatu padu dapat dibangunkan dengan melaksanakan prinsip-prinsip keadilan

## AKTIVITI PAK-21

Persembahan (Lakonan) **KBAT** Mengaplikasi **TP 6**

1. Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk "Cara murid mengamalkan prinsip wasatiah dalam kehidupan".
3. Murid berbincang di dalam kumpulan mengenai tajuk yang diberikan.
4. Hasil dapatan dipersembahkan dalam bentuk peta minda di hadapan kelas.

*Tahap Penguasaan Pelajaran 25* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Tuntutan | Kebenaran

Sebagai mukmin kita telah mempunyai contoh tauladan terbaik dalam mengamalkan sikap kesederhanaan, iaitu Rasulullah SAW. Baginda seorang yang bersederhana dan seimbang dalam menjalani kehidupannya.

**1.** Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

KBAT Menganalisis

Rasulullah SAW telah menunjukkan sikap baginda sebagai seorang manusia yang perlu menjaga kesederhanaan dan keseimbangan antara tuntutan jasmani dan rohani, roh dan jasad. Baginda seorang insan yang paling bertakwa kepada Allah SWT, tetapi baginda berpuasa dan berbuka, bersolat malam dan tidur, malah berkahwin. Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlu menerapkan aspek keseimbangan dalam kehidupan kerohanian dan fizikal untuk memenuhi jadual kehidupan sebagaimana yang dipraktikkan oleh baginda.

Islam merupakan satu-satunya agama yang berdiri atas keadilan dalam hukum-hakam dan pensyariatannya.

**2.** Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

KBAT Menganalisis

Syariat Islam sama sekali tidak akan memperakui apa-apa jua bentuk kezaliman, ketidakadilan mahupun pencerobohan. Islam juga tidak memilih kasih antara sesiapa. Oleh itu, umat Islam dituntut supaya sentiasa berdiri atas kebenaran di mana-mana jua mereka berada. Kesimpulannya, segala bentuk perjanjian, amanah dan tanggungjawab perlu dilaksanakan walaupun dengan orang yang tidak disenangi.

POT Enrolment key ▼
Tf&b2H$z

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# MODUL SPM


| UJIAN | SKOP | HALAMAN |
|---|---|---|
| **UJIAN 1** | Pelajaran 1 – Pelajaran 2 | 91 |
| **UJIAN 2** | Pelajaran 3 – Pelajaran 7 | 92 – 96 |
| **UJIAN 3** | Pelajaran 8 – Pelajaran 9 | 97 – 98 |
| **UJIAN 4** | Pelajaran 10 – Pelajaran 12 | 99 – 103 |
| **UJIAN 5** | Pelajaran 13 – Pelajaran 17 | 104 – 109 |
| **UJIAN 6** | Pelajaran 18 – Pelajaran 21 | 110 – 113 |
| **UJIAN 7** | Pelajaran 22 – Pelajaran 25 | 114 – 117 |


*Jangan lupa Pelangi Online Test (POT) untuk latihan ekstra!*

POT

https://qr.pelangibooks.com/?u=POTPI4

**Enrolment key:** Tf&b2H$z



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UJIAN 1

**Skor** /65

## KERTAS 2

**1.** Sila ulang dan sambung bacaan berikut.

PELAJARAN 1 Buku Teks ms. 2

قُلۡ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي ...

قُلۡ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحۡيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُۥۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرۡتُ
وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

[15 *markah*]

**2.** Sila ulang dan sambung bacaan berikut.

PELAJARAN 2 Buku Teks ms.7, 13

ٱلَّذِينَ كَانَتۡ أَعۡيُنُهُمۡ فِي غِطَآءٍ عَن ذِكۡرِي وَكَانُواْ لَا يَسۡتَطِيعُونَ سَمۡعًا ﴿١٠١﴾ أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَن
يَتَّخِذُواْ عِبَادِي مِن دُونِيٓ أَوۡلِيَآءَۚ إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا جَهَنَّمَ لِلۡكَٰفِرِينَ نُزُلٗا ﴿١٠٢﴾ قُلۡ هَلۡ نُنَبِّئُكُم بِٱلۡأَخۡسَرِينَ
أَعۡمَٰلًا ﴿١٠٣﴾ ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعۡيُهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَهُمۡ يَحۡسَبُونَ أَنَّهُمۡ يُحۡسِنُونَ صُنۡعًا ﴿١٠٤﴾ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ
كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡ فَلَا نُقِيمُ لَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَزۡنٗا ﴿١٠٥﴾ ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمۡ
جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُواْ وَٱتَّخَذُوٓاْ ءَايَٰتِي وَرُسُلِي هُزُوًا ﴿١٠٦﴾ إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَانَتۡ لَهُمۡ
جَنَّٰتُ ٱلۡفِرۡدَوۡسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾ خَٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبۡغُونَ عَنۡهَا حِوَلٗا ﴿١٠٨﴾ قُل لَّوۡ كَانَ ٱلۡبَحۡرُ مِدَادٗا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّي
لَنَفِدَ ٱلۡبَحۡرُ قَبۡلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ رَبِّي وَلَوۡ جِئۡنَا بِمِثۡلِهِۦ مَدَدٗا ﴿١٠٩﴾ قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ
أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۖ فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ﴿١١٠﴾

(Surah al-Kahfi: 101 – 110)

Murid membaca ayat di atas.

[50 *markah*]

# UJIAN 2

Skor /50

## KERTAS 1

**1.** (a) Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi kalimah yang bergaris di bawah.

PELAJARAN 3 Buku Teks ms. 17 – 21

| | Potongan ayat al-Quran | Nama hukum tajwid | Cara bacaan |
|---|---|---|---|
| (i) | مِن كُلِّ دَآبَّةٍ | Mad Lazim Kalimi Muttaqqal | Dibaca secara idgham |
| (ii) | كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ | Qalqalah Sughra | Bunyi lantunan yang rendah ketika menyebut huruf qalqalah yang berbaris sukun |
| (iii) | وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ | Mad Silah Qasirah | Baca 2 harakat |

[6 *markah*]

(b) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan, iaitu **A** dan **B**.
Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah.
Anda dikehendaki menulis jawapan yang betul (**A** dan **B)** sahaja.

PELAJARAN 3 Buku Teks ms. 17 – 21

| | Potongan ayat al-Quran | Hukum tajwid | |
|---|---|---|---|
| | | A | B |
| (i) | بِهِۦٓ أَنفُسَهُمْ | Mad Silah Tawilah | Mad Silah Qasirah |
| (ii) | إِلَىٰ قَوْمِهِۦ غَضْبَٰنَ | Mad Silah Tawilah | Mad Silah Qasirah |
| (iii) | الٓمٓ | Mad Lazim Kalimi Muthaqqal | Mad Lazim Harfi Muthaqqal |
| (iv) | ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ عَصَيْتَ | Mad Lazim Kalimi Mukhaffah | Mad Lazim Harfi Mukhaffah |

(i) A

(ii) B

(iii) B

(iv) A

[4 *markah*]

**2.** (a) Firman Allah SWT:

| |
|---|
| وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ وَتُدْلُوا۟ بِهَآ إِلَى ٱلْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا۟ فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَٰلِ ٱلنَّاسِ بِٱلْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾ |
| (Surah al-Baqarah: 188) |

Ayat di atas menjelaskan beberapa larangan Allah SWT terhadap hamba-Nya di dunia. Berdasarkan ayat di atas,

PELAJARAN 4 Buku Teks ms. 26

(i) Senaraikan **dua** larangan tersebut selain rasuah.

- Riba
- Judi

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sebab Islam melarang perbuatan rasuah.

- Allah SWT dan rasul-Nya melaknat pemberi dan penerima rasuah.
- Menjadikan individu hilang harga diri kerana perbuatan itu berdosa.

**KBAT** Menilai [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** cara untuk menghindari rasuah.

- Sentiasa mencari rezeki yang halal agar tidak menyalahi syariat Islam.
- Sentiasa menjauhkan diri daripada memberikan rasuah supaya tidak menzalimi diri dan masyarakat.

**KBAT** Menganalisis [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**3.** (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَـٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ
وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah ali-'Imran: 137 – 139)

Ayat di atas menjelaskan bahawa segala makhluk di alam ini adalah mengikut cara dan peraturan (sunatullah) yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Apakah maksud sunatullah?

PELAJARAN 5 Buku Teks ms. 31

Sunatullah ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada sesiapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bentuk sunatullah yang terdapat dalam ayat di atas yang membuktikan kekuasaan dan kebesaran Allah SWT.

PELAJARAN 5 Buku Teks ms. 33

- Kejayaan dan kemusnahan umat terdahulu.
- Kekalahan umat Islam dalam peperangan Uhud.

[4 *markah*]

Allah SWT memerintahkan umat Islam agar mengambil pelajaran daripada perkara yang pernah dialami oleh umat-umat terdahulu berkaitan sunatullah.

(iii) Huraikan pengajaran tersebut dengan mengemukakan hujah yang bernas.

Sebagai teladan, umat Islam dituntut mengembara di setiap pelosok muka bumi untuk menyelidiki dan melihat sendiri kesan-kesan peninggalan umat terdahulu supaya dapat mengenal pasti sunatullah yang telah menimpa mereka. Kesimpulannya, dengan mengambil iktibar dari sejarah yang berlaku pada manusia sebelumnya mampu mendepani masa depan yang selamat sesuai dengan aturan Allah SWT.

**KBAT** Menganalisis

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**4.** (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ بِهِۦٓ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ
لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبْسِلُوا۟ بِمَا كَسَبُوا۟ ۖ
لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(Surah al-An'am: 70)

Ayat di atas menjelaskan perbuatan mempersendakan agama Islam amat dilarang oleh Allah SWT.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud "mempersendakan agama Islam".

PELAJARAN 6 Buku Teks ms. 38

Mempersendakan agama bermaksud semua tindakan sama ada melalui lisan atau perbuatan yang merendahkan martabat agama.

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan **empat** contoh perbuatan mempersendakan agama Islam.

PELAJARAN 6 Buku Teks ms. 38

- Tidak menunaikan solat fardu dengan sengaja.
- Makan dan minum di siang hari bulan Ramadan di khalayak ramai.
- Tidak menutup aurat dengan sempurna di khalayak ramai.
- Menganjurkan konsert berunsur maksiat atau percampuran lelaki dengan wanita tanpa batas.

[4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** cara anda mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan mempersendakan agama Islam.

PELAJARAN 6 Buku Teks ms. 38

- Menuntut ilmu agama dengan mendalam supaya dapat mengetahui batas-batas iman dan syariat.
- Banyak bergaul dan berdamping dengan alim ulama atau orang soleh supaya sentiasa mendapat nasihat dan tunjuk ajar yang baik.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**5.** (a) Firman Allah SWT:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

(Surah Fussilat: 33)

Ayat di atas menjelaskan tentang tuntutan melaksanakan dakwah.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Apakah maksud berdakwah?

PELAJARAN 7 Buku Teks ms. 48

Berdakwah ialah menyeru dan mengajak manusia supaya takutkan Allah dengan pendekatan yang baik.

[2 *markah*]

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

(Surah an-Nahl: 125)

(ii) Jelaskan **dua** pendekatan dakwah yang disarankan dalam ayat di atas selain secara berhikmah.

PELAJARAN 7 Buku Teks ms. 45

- Nasihat yang baik.
- Berdebat secara baik.

[4 *markah*]

Banyak riwayat mencatatkan bahawa Nabi Muhammad SAW banyak mengaplikasikan cara berdakwah melalui bil hikmah.

(iii) Mengapakah kita perlu mempraktikan sikap "bil hikmah" ketika menyampaikan dakwah? Kemukakan hujah anda.

Dakwah hendaklah dilakukan dengan penuh hikmah kerana akhlak yang baik akan memberi kesan mendalam terhadap sesuatu dakwah yang dijalankan. Sikap lemah-lembut dan kesantunan (hikmah) lebih memberi kesan dalam penyampaian dakwah kerana sikap tersebut boleh menarik dan mendekatkan sasaran kepada kebenaran. Kesimpulannya, jika dakwah dilakukan secara kasar akan menyebabkan sasaran menjauhkan diri dan sekali gus dakwah akan gagal.

**KBAT** Menganalisis [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UJIAN 6

Skor

/40

## KERTAS 1

**1.** (a) (i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan khalifah Umar bin al-Khattab r.a..

PELAJARAN 18 Buku Teks ms. 155

- Tegas.
- Cekap.

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** pencapaian pemerintahan khalifah Umar bin al-Khattab r.a. dalam bidang sosial.

PELAJARAN 18 Buku Teks ms. 159

- Mengasaskan takwim Islam, iaitu tahun hijrah.
- Memperkenal undang-undang pentadbiran tanah.

[4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** cara untuk mencontohi keunggulan pemerintahan khalifah Umar bin al-Khattab r.a..

- Mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain.
- Menyumbang kepakaran yang dimiliki untuk pembangunan dan kemajuan negara.

**KBAT** Menganalisis

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) (i) Namakan **tiga** orang khalifah kerajaan Umaiyah yang terkenal selain Muawiyah bin Abi Sufian.

PELAJARAN 19 Buku Teks ms. 163

- Abdul Malik bin Marwan.
- Al-Walid bin Abdul Malik.
- Umar bin Abdul Aziz.

[3 *markah*]

(ii) Jelaskan **tiga** sumbangan khalifah Muawiyah bin Abi Sufian sepanjang pemerintahannya selama 19 tahun.

PELAJARAN 19 Buku Teks ms. 164

- Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal.
- Memperkenalkan cop mohor rasmi kerajaan Umaiyah.
- Mewujudkan perkhidmatan pos berkuda.

[3 *markah*]

(iii) Nyatakan **dua** faktor kegemilangan dalam bidang ketenteraan kerajaan Umaiyah.

PELAJARAN 19 Buku Teks ms. 167

- Mengemas kini angkatan tentera dengan mengadaptasi strategi peperangan dengan meniru corak gerakan tentera Parsi.
- Kemudahan pangkalan tentera dan kapal perang yang dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih.

[4 *markah*]

**2.** (a) (i) Siapakah khalifah yang menjadi punca bermulanya kemerosotan kerajaan Abbasiyah?

Al-Wathiq Billah bin al-Muktasim.

KBAT Menilai [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** faktor kejatuhan kerajaan Abbasiyah sama ada faktor 1 atau 2.

PELAJARAN 20 Buku Teks ms. 178

1. Faktor politik
   - Campur tangan pegawai berbangsa Parsi dan Turki dalam pemerintahan negara.
   - Perebutan kuasa antara khalifah.
2. Faktor ekonomi
   - Kegawatan ekonomi.
   - Rusuhan dan pemberontakan sering berlaku hingga mengganggu aktiviti perekonomian.

[4 *markah*]

(iii) Kegemilangan dan keagungan kerajaan Abbasiyah hanya tinggal sebagai bahan sejarah untuk tatapan umat Islam generasi kini.

Apakah iktibar yang perlu umat Islam hayati daripada kejatuhan kerajaan Abbasiyah? Huraikan hujah anda.

Umat Islam perlu memahami betapa pentingnya nilai perpaduan sesama umat Islam. Kebanyakan faktor kejatuhan sesebuah kerajaan Islam adalah berpunca dari konflik dalaman yang parah, perebutan jawatan khalifah, fanatik kesukuan dan kemunculan pelbagai aliran fahaman keagamaan yang telah mengancam kestabilan negara. Kelemahan ini telah mendedahkan kerajaan Abbasiyah kepada musuh-musuh luar yang sentiasa mencari peluang untuk menghancurkannya. Kesimpulannya, semua umat Islam mesti bersama-sama memupuk dan mengekalkan perpaduan sesama sendiri agar sejarah hitam tersebut tidak berulang lagi.

KBAT Menganalisis [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam Abu Hanifah r.h..

PELAJARAN 21 Buku Teks ms. 179

- Nama penuh: Al-Nukman bin Thabit al-Kuf.
- Tarikh lahir: 80H di Kufah.
- Tarikh wafat: 150H.
- Kuniyah: Abu Hanifah.

[3 *markah*]

(ii) Terangkan **tiga** sifat peribadi Imam Abu Hanifah r.h. yang boleh dicontohi oleh murid dalam menuntut ilmu.

PELAJARAN 21 Buku Teks ms. 179

- Sangat memuliakan ilmu.
- Kuat ibadat seperti sering bangun malam berqiamullail, solat sunat dan berpuasa sunat.
- Seorang yang pemurah dan penyayang.

[3 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** ujian yang dilalui oleh Imam Abu Hanifah r.h. dalam menegakkan pendiriannya.

- Pernah dipenjara dan disebat seratus kali kerana menolak jawatan jurutulis surat rasmi kerajaan Bani Umaiyah.
- Di penjara kerana menolak jawatan hakim di Baghdad.

KBAT Menganalisis [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UJIAN 7

Skor
/40

## KERTAS 1

1. (a) (i) Nyatakan maksud bersikap benar.

PELAJARAN 22 Buku Teks ms. 188

Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan.

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** implikasi mengabaikan bersikap benar dalam kehidupan.

- Jiwa menjadi kacau kerana sering berkata dusta.
- Maruah diri tercemar kerana tidak dipercayai masyarakat.

**KBAT** Menilai

[2 *markah*]

(iii) Jelaskan tuntutan bersikap benar dalam tutur kata.

PELAJARAN 22 Buku Teks ms. 189

- Tidak berbohong apabila berkata-kata dalam semua keadaan.
- Memelihara diri daripada mengeluarkan lafaz yang jelas mendatangkan dosa dan mengelirukan.

[2 *markah*]

| |
|---|
| "Dewasa ini penyebaran berita palsu di media sosial semakin menjadi-jadi". |

(iv) Berdasarkan pernyataan di atas, ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya perkara di atas tidak dibendung?

Penyebaran berita palsu tanpa batas akan menyebabkan lahirnya sikap buruk sangka sehingga hilang perasaan saling hormat menghormati antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat. Kesannya akan membawa kepada perbalahan dan pergaduhan. Kesimpulannya, sikap benar Rasulullah SAW hendaklah dicontohi oleh umat Islam.

**KBAT** Menganalisis

[4 *markah*]